

PRAKTIS 25 Imbuhan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Tandakan (✓) pada ayat yang menggunakan imbuhan yang betul. **SP 5.3.1**

CONTOH

- (a) Pada hujung minggu, Nadia menjadi penyanyi di majlis kenduri kahwin. (✓)
 (b) Pada hujung minggu, Nadia menjadi nyanyian di majlis kenduri kahwin. ()

1. (a) Menara Maybank itu merupakan hasil pereka arkitek terkenal. ()
 (b) Menara Maybank itu merupakan hasil rekaan arkitek terkenal. ()
2. (a) Sulaiman bercita-cita untuk menjadi ternakan yang berjaya. ()
 (b) Sulaiman bercita-cita untuk menjadi penternak yang berjaya. ()
3. (a) Rajesh berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan itu. ()
 (b) Rajesh berjaya mendapat tempat pendua dalam pertandingan itu. ()
4. (a) Pemuda itu terlepas daripada hukuman kerana pihak pedakwa gagal mengemukakan bukti kukuh. ()
 (b) Pemuda itu terlepas daripada hukuman kerana pihak pendakwa gagal mengemukakan bukti kukuh. ()

PRAKTIS 26 Imbuhan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Bubuh imbuhan awalan **peN-**, **pe-**, **peR-**, awalan **ke** atau akhiran **-an** pada kata-kata yang berhuruf tebal untuk melengkapkan ayat. **SP 5.3.1**

CONTOH

Karang novel itu menyelitkan unsur jenaka dalam penulisannya.

Pengarang

1. Meskipun kami berkawan baik, kami mempunyai **dapat** yang berbeza tentang **kebanjiran** **pendatang** asing ke negara ini.
2. Harvinder berasa gembira kerana **dapat** bertemu dengan **sampai** radio yang **diminatinya** selama ini.
3. Pihak polis memburu **bekas** **kasih** mangsa yang **dipercayai** telah melarikan diri.
4. Encik Haris akan **mengambil** **tindak** terhadap **mana-mana** pekerjaanya yang mempunyai masalah disiplin.
5. Sikap Puan Tan yang mesra itu menyebabkan **restorannya** tidak putus-putus menerima kehadiran **langgan**.

PRAKTIS 23 Imbuhan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Gariskan imbuhan yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini. SP 5.3.1

CONTOH

Nama (pesakit/penyakit) yang baru tiba tadi ialah Cheng Lai Ming.

1. Kursus itu dikendalikan oleh tenaga (pelajar/pengajar) yang berpengalaman.
2. Sejak kematian ayahnya, Asyraf menjadi (pesara/penyara) keluarganya.
3. Pemuda itu mula berubah sikap setelah mendapat (petunjuk/penunjuk) daripada Tuhan.
4. Umi menggunakan (persalin/penyalin) untuk membuat salinan nota itu.
5. Para (peserta/penyerta) diminta untuk mendaftarkan diri di meja pendaftaran.

PRAKTIS 24 Imbuhan Awalan dan Akhiran

Buku Teks M.S. 35, 90, 138

Berikan imbuhan awalan **peN-**, **pe-**, **peR-**, awalan **ke** atau akhiran **-an** pada kata-kata di dalam kurungan. Kemudian, isikan kata tersebut pada tempat kosong yang disediakan. SP 5.3.1

CONTOH

Para penduduk Taman Galaksi berkumpul di padang rekreasi sejak pagi tadi. (duduk)

1. Di puncak gunung itu terdapat beberapa orang _____. (tapa)
2. Encik Lim memperoleh bekalan barang runcit daripada _____. (borong)
3. Memang susah untuk mengajak dia berbual kerana dia sangat _____. (malu)
4. Cikgu Shena memberikan _____ kepada murid-muridnya untuk disiapkan pada cuti sekolah nanti. (tugas)
5. Murid-murid sekolah itu mengadakan _____ ke pusat pembuatan batik. (lawat)
6. Norman ingin memenuhi _____ ibu bapanya yang ingin menunaikan haji ke Mekah. (hendak)
7. Tiga orang _____ gunung itu berjaya tiba di puncak Gunung Kinabalu setelah menempuh pelbagai cabaran. (daki)
8. Golongan _____ diingatkan supaya berhati-hati ketika membeli barang runcit di pasar raya. (guna)